



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II (B.2 EB.3 / B.2)
PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II
PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. **TANGGAGAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Ekonomi / *Finance* / Pengurusan / Pentadbiran Awam / Perakaunan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. **TANGGA GAJI B.2**

i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Ekonomi / *Finance* / Pengurusan / Pentadbiran Awam / Perakaunan atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

3. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dikehendaki lulus peperiksaan berikut:

- i) Peperiksaan Jabatan (jika ada)
- ii) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan.
- iii) Peraturan-Peraturan Kewangan.

Peperiksaan ii dan iii akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai Unit Kewangan;
2. Membantu dalam urusan kewangan Jabatan yang berkaitan dengan persuratan, *book keeping*, pertanyaan audit, pendaftaran dan memastikan supaya kerja-kerja yang terlibat dapat dilaksanakan dengan baik dan betul mengikut Peraturan Kewangan dan lain-lain peraturan;
3. Mencadangkan dan mengendalikan projek-projek peningkatan atau reformasi pengurusan kewangan ke arah urus tadbir kewangan yang baik dan berdaya tahan dari semasa ke semasa;
4. Menyediakan cadangan Anggaran Peruntukan Tahunan Pusat Sejarah Brunei dan permohonan-permohonan peruntukan dan tawaran serta melaksanakan pemantauan dan menyediakan laporan;
5. Memastikan pengawalan kewangan selaras dengan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa pada masa ini;
6. Bertanggungjawab bersama dengan Pegawai atasan yang lain terhadap mutu kawalan kerja, disiplin dan kesejahteraan Pegawai dan Kakitangan;
7. Membantu dalam membuat pemeriksaan dan pengawasan dari semasa ke semasa tentang hal ehwal kewangan dan penyampaian alat-alat stor dan kelengkapan pejabat seperti pengendalian, pengutipan, penyimpanan di Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan dan hendaklah mengikut peraturan-peraturan; dan
8. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.